



# TEKS UCAPAN



**YB DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN**  
**MENTERI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,**  
**KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

**MAJLIS PELANCARAN**  
**ANUGERAH KEDAI HARGA PATUT (AKHP) 2016**

**DI SOGO DEPARTMENTAL STORE,**  
**JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR**

**8 MAC 2016**

Bismilahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam sejahtera dan salam 1 Malaysia

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak  
Perdana Menteri Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Seri Alias Bin Haji Ahmad  
Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Yang Berbahagia Dato' Seri Haji Mohd Amin Nordin Bin Abdul Aziz  
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Yang Berbahagia Dato' Alfred Cheng Yoong Choong

Pengarah Urusan, Kumpulan SOGO Department Store Sdn. Bhd.

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Agensi

Wakil-wakil Persatuan dan NGO

Rakan-rakan Media

Dato'-dato', Datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurniaNya dapat kita berkumpul pada petang yang berbahagia ini. Tidak lupa juga ucapan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.
2. Saya mengucapkan terima kasih di atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan terutamanya kepada Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia untuk meluangkan masa menghadiri majlis pada hari ini walaupun sibuk dengan tugas-tugas harian. Moga usaha murni yang kita laksanakan ini akan memberikan kebaikan dan manfaat kepada seluruh masyarakat pengguna di luar sana.
3. Pada hari ini kita berhimpun di Dataran SOGO Departmental Store, Kuala Lumpur untuk satu Majlis Pelancaran Anugerah Kedai Harga Patut (AKHP) 2016. Sesungguhnya, pelaksanaan program ini adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan dalam membantu rakyat berdepan dengan isu peningkatan kos sara hidup.
4. Dalam meneliti dasar-dasar yang sesuai untuk mengurangkan kos sara hidup, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah melaksanakan Anugerah Kedai Harga Patut (AKHP) 2016. AKHP merupakan satu pengiktirafan KPDNKK kepada para peniaga yang sentiasa memastikan kualiti, nilai dan perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna memenuhi kehendak dan keperluan pengguna pada harga yang berpatutan.

5. 7 kategori premis perniagaan telah dikenalpasti dalam membantu pihak pengguna mengenal pasti dan mendapatkan produk pada harga yang berpatutan. Program ini dijayakan melalui jalinan kerjasama antara pihak Jabatan Kesihatan, JAKIM, Pihak Berkuasa Tempatan dan NGOs termasuk *Friends of KPDNKK*, yang telah turun padang melakukan penilaian dan pemeriksaan di lebih 2,000 premis perniagaan di seluruh negara.
6. Penilaian yang dilakukan adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan seperti harga produk yang dijual, kualiti perkhidmatan, suasana atau persekitaran premis perniagaan serta peragaan barangan.
7. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada masyarakat pengguna untuk menyokong premis-premis perniagaan yang telah dikenalpasti ini dan sekaligus menjadi pengguna yang bermaklumat, berkemahiran dan berdaya upaya serta mampu untuk menangani pelbagai isu dan cabaran kepenggunaan pada masa kini. *Friends of KPDNKK* pula dapat bertindak sebagai mata dan telinga kepada KPDNKK. Dengan peranan yang dimainkan oleh *Friends of KPDNKK* ini, tidak mustahil masyarakat dapat menggunakan kuasa pengguna sebaiknya dalam menentukan pasaran yang lebih sihat dan adil.
8. Akhir kata, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini. Marilah kita bersama-sama memperbaharui iltizam, memperteguh tekad dan menyuntik semangat baru yang lebih kental untuk meneruskan momentum kecemerlangan menjelang tahun 2020.

Akhir kata, Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.